

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**TARIKH : 28 APRIL 2019**  
**SENTIMEN : POSITIF**

**MUKA SURAT : 16**  
**HARI : AHAD**

16

## NASIONAL

*Seramai 242 kanak-kanak itu terima hadiah simpanan SSPN-i*

RIDAUDDIN DAUD

KLANG

P erbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyampaikan sumbangan berjumlah RM3,000 kepada Persatuan Autisme Muslim Malaysia (Autisme Malaysia) sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) badan berkenaan.

PTPTN turut menyampaikan hadiah berbentuk simpanan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) berjumlah RM9,000 kepada 242 kanak-kanak yang menyertai aktiviti sempena Karnival Sambutan Bulan Kesedaran Autisme Sedunia bersama SSPN di sini, semalam.

Timbalan Ketua Eksekutif (Dasar & Operasi) PTPTN, Mastura Mohd Khalid berkata, pelaksanaan program sebegini menjadikan keutamaan PTPTN dalam membantu menceriakan anak-anak istimewa tersebut.

"PTPTN sememangnya telah



AHAD 28 APRIL 2019 • SINAR HARIAN

FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

# PTPTN ceriakan kanak-kanak autisme

lama berhasrat untuk melaksanakan program ini sebagai CSR kami bersempena Hari Kesedaran Autisme Sedunia yang disambut pada 2 April setiap tahun. Ia selaras dengan objektif PTPTN untuk memastikan semua lapisan masyarakat di seluruh Mala-

sia dapat menikmati impak positif daripada program CSR yang dianjurkan.

"Saya juga berharap agar ibu bapa menjadikan sumbangan yang diberikan kepada anak mereka ini sebagai titik permutuan untuk terus menabung di dalam SSPN demi masa depan anak-anak," katanya dalam ucapan perasmian Karnival tersebut.

Tambah Mastura, penerima sumbangan sangat berterima kasih atas skim penabungan SSPN-i merupakan pelan simpanan terbaik untuk pendidikan.

"Keistimewaananya termasuklah lepaskan taksiran cukai sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful secara percuma dan insurans kesehatan sejati bagi autisme," katanya.

"Selain itu, pendeposit juga layak memohon pinjaman PTPTN apabila mendapat tawaran melanjutkan pengajian dan SSPN

-i merupakan simpanan patuh syariah serta dijamin kerajaan," ujarnya.

Justeru, Mastura menggesa ibu bapa agar merebut peluang yang ada dengan menabung demi masa depan anak-anak mereka.

"Melalui PTPTN dan SSPN, mari kita bina impian dan harapan," katanya.

Dalam pada itu, Pengurus Autisme Malaysia, Zamri Tembol menzahirkan ucapan terima kasih kepada PTPTN atas inisiatif bersama menganjurkan program tersebut bagi meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung autisme.

Menurutnya, mereka berharap agar masyarakat sedar dan mengetahui tentang autisme sehingga dapat memahami dan menerima anak-anak autisme serta keluarga mereka seadanya.

"Diharapkan jalin kerjasama antara PTPTN dan Autisme Malaysia akan diteruskan pada masa hadapan. Kami amat meng-

### Keistimewaan SSPN-i:

- Pelepasan taksiran cukai sehingga RM8,000 setahun
- Perlindungan takaful secara percuma
- Kadar dividend simpanan yang kompetitif
- Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000
- Layak memohon pinjaman PTPTN
- Simpanan patuh syariah
- Dijamin kerajaan



Mastura menyampaikan sumbangan kepada Zambri pada Majlis Pelancaran Karnival Sambutan Bulan Kesedaran Autisme Sedunia Bersama SSPN di Aeon Mall Bukit Raja, semalam. Turut serta Pengurus Akademik Autisme Insani, Mohd Fakhri Nor Affandi (kanan).



Kanak-kanak autisme yang dilakukannya menghiburkan tetamu dengan persembahan tarian.



Mastura bergambar dengan penerima-penerima hadiah kategori menyusun puzzle yang dianjurkan pada program berkenaan.

harga setiap usaha PTPTN yang memberi penghargaan kepada anak-anak autisme. Terima kasih PTPTN," ujarnya.

SSPN adalah satu skim direka khas PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi.

Skim ditawarkan adalah pada patuh syariah yang menggunakan konsep 'Wakalah Bil Istithmar'.